



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KALKULATOR MyPAKW DAN PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR KUMPULAN BERKEPERLUAN KHAS

DOSM PERKENAL PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR (PAKW) KUMPULAN BERKEPERLUAN KHAS, FOKUS KOS SARA HIDUP SEBENAR ORANG KELAINAN UPAYA (OKU), PESAKIT DAN WARGA EMAS

PUTRAJAYA, 6 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) buat julung kalinya membangunkan **Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW)** bagi **kumpulan berkeperluan khas** yang meliputi orang kelainan upaya (OKU), pesakit dan warga emas dengan mengambil kira keperluan khusus kumpulan tersebut. Kemaskini PAKW bagi kumpulan berkeperluan khas ini dijangka akan dimuatkan ke dalam Kalkulator MyPAKW pada bulan Ogos 2026 melalui portal web mypakw.dosm.gov.my serta aplikasi mudah alih MyPAKW. Inisiatif ini merupakan usaha berterusan DOSM dalam memperkukuh penyediaan statistik rasmi yang lebih inklusif serta menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti bagi meningkatkan kesejahteraan kumpulan berkeperluan khas dan keluarga.

Pembangunan dan pengemaskinian PAKW bagi kumpulan berkeperluan khas bertujuan mengenal pasti kos sara hidup sebenar keluarga yang mempunyai ahli keluarga berkeperluan khas dengan mengambil kira keperluan perbelanjaan tambahan yang diperlukan bagi mencapai taraf kehidupan yang wajar. Inisiatif ini merangkumi orang kelainan upaya (OKU) mengikut tujuh kategori ketidakupayaan iaitu ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan pembelajaran, ketidakupayaan mental serta pelbagai ketidakupayaan. Selain itu, ianya turut meliputi pesakit yang memerlukan penjagaan di rumah sama ada terlantar atau tidak terlantar, serta warga emas yang memerlukan penjagaan khusus.

PAKW bagi kumpulan berkeperluan khas dibangunkan dengan mengenal pasti komponen perbelanjaan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan kehidupan wajar mengikut kategori kumpulan tersebut. Selain perbelanjaan asas seperti makanan, perumahan, utiliti dan pengangkutan, turut diambil kira keperluan khusus yang lazim ditanggung oleh keluarga yang mempunyai ahli keluarga berkeperluan khas. Antaranya termasuk perbelanjaan bagi alat bantuan dan peralatan sokongan, kos rawatan, ubat-ubatan, terapi, perkhidmatan penjagaan serta peranti yang menyokong aktiviti harian dan komunikasi. Bagi pesakit yang memerlukan penjagaan di rumah, turut diambil kira keperluan pemakanan khas seperti susu formula perubatan serta keperluan berkaitan penjagaan harian. Pendekatan ini memastikan PAKW yang dibangunkan lebih mencerminkan keperluan sebenar kumpulan berkeperluan khas serta kos sara hidup yang ditanggung oleh keluarga.

PAKW kumpulan berkeperluan khas menyediakan penanda aras kos sara hidup yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat bagi memahami keperluan perbelanjaan minimum untuk kehidupan wajar mengikut keadaan isi rumah masing-masing. Pada masa yang sama, ia menjadi rujukan penting kepada pembuat dasar dalam merangka, menyelaraskan dan menilai dasar serta program perlindungan sosial yang lebih bersasar, termasuk bantuan kewangan, subsidi, sokongan penjagaan dan intervensi sosial.

Pembangunan PAKW bagi kumpulan berkeperluan khas dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara DOSM dengan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kerjasama ini membolehkan komponen perbelanjaan yang dikenal pasti mengambil kira keperluan sebenar kumpulan berkeperluan khas berdasarkan kepakaran teknikal, amalan semasa serta keperluan penjagaan mengikut kategori kumpulan tersebut. Pendekatan kolaboratif ini memastikan PAKW yang dibangunkan adalah relevan, komprehensif dan boleh dipercayai sebagai rujukan dalam menyokong penggubalan dasar dan perancangan program yang lebih berkesan.

DOSM akan terus memperkukuh pembangunan statistik sosial yang inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat. PAKW bagi kumpulan berkeperluan khas dikemas kini selaras dengan perubahan kos sara hidup, perkembangan sosioekonomi dan keperluan semasa bagi memastikan statistik yang disediakan kekal relevan, berkualiti dan menyokong pembangunan dasar yang lebih inklusif serta berimpak tinggi bagi meningkatkan kesejahteraan kumpulan berkeperluan khas di Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
6 JULAI 2026